# PANDUAN PERATURAN PEMARKAHAN

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud potongan ayat bergaris ialah Allah SWT melarang mengambil harta orang lain (1m) / dengan cara yang salah. (1m)</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Empat contoh perbuatan yang dilarang Allah melalui ayat yang bergaris selain memberi dan mengambil rasuah ialah :<br>– Berjudi.<br>– Merompak.<br>– Salah guna kuasa.<br>– Mengambil riba.<br>– Mencuri.<br>– Menipu.</td><td>4 isi x 1m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran :
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan jawapan :<br><br>Melaporkan kepada pihak berkuasa (I) agar pesalah rasuah dikenakan tindakan yang sewajarnya (H). Hal ini akan memberi kesedaran kepada masyarakat lain untuk tidak berani melakukan perbuatan tersebut (HL). Oleh itu kita hendaklah sentiasa mematuhi perintah Allah dan undang-undang negara agar hidup lebih aman harmoni. (K)</td><td>4m<br>I<br>H<br>HL<br>K</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Empat golongan yang mendapat naungan tersebut ialah :<br>- Pemimpin yang adil<br>- Pemuda yang taat beribadat kepada Allah SWT<br>- Seseorang yang hatinya sangat mencintai masjid<br>- Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT<br>- Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takutkan Allah SWT<br>- Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya<br>- Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitis air mata</td><td>4 isi x 1m<br>= 4m</td></tr>
</table>

 *© 2021 Hak Cipta Terpelihara SPI JPN Sabah* 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Dua** kelebihan sekiranya mendapat naungan Allah SWT ialah :<br>- Mendapat perlindungan daripada kepanasan cahaya matahari di Padang Mahsyar<br>- Mendapat rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan akhirat.<br>- Ditempatkan di syurga Allah SWT.<br>- Diampunkan dosanya oleh Allah SWT. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (iii) | **Dua** pengajaran daripada hadis di atas ialah :<br>- Kita hendaklah sentiasa berusaha mendapatkan naungan Allah SWT (I) agar selamat di dunia dan akhirat. (H)<br>- Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan (I) kerana ianya adalah suruhan Allah SWT. (H)<br>- Kita hendaklah memanfaatkan usia muda dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT (I) agar berjaya dunia dan akhirat. (H)<br>- Kita hendaklah saling mengasihi (I) supaya masyarakat hidup aman damai. (H)<br>- Kita hendaklah menjauhi perbuatan maksiat (I) agar selamat daripada kemurkaan Allah SWT. (H)<br>- Kita hendaklah berusaha memperbanyakkan sedekah (I) kerana amalan tersebut dapat menyucikan harta dan jiwa. (H)<br>- Kita hendaklah melazimi amalan zikrullah (I) agar jiwa menjadi tenang. (H) | 2 isi x 2m<br>= 4m<br>P+I+H |

 *© 2021 Hak Cipta Terpelihara SPI JPN Sabah* 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud nama Allah SWT al-Muntaqim ialah Allah Maha Pembalas (1m) dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas. (1m)</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Azab yang ditimpakan oleh Allah SWT terhadap kaum terdahulu yang menentang syariat-Nya ialah :<br>- Dimasukkan ke dalam neraka.<br>- Ditimpa azab ad-Dhukhan.<br>- Diberikan kemarau yang panjang.<br>- Ditimpa dengan paluan / pukulan yang besar.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran :<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan jawapan :<br><br>Kekuasaan yang dimiliki manusia hanyalah terbatas (I) berbanding kekuasaan yang dimiliki oleh Allah S.W.T yang tiada tandingannya (H). Ini menyebabkan kita sentiasa merasa rendah diri dan semakin bertambah keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. (HL) Oleh sebab itu, kita haruslah mengabdikan diri kepada Allah S.W.T agar hidup menjadi orang yang berakhlak mulia. (K)</td><td>4m<br>I<br>H<br>HL<br>K</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud ar-Raqib ialah Allah S.W.T Maha Menguasai (1m) semua perbuatan dan keadaan makhluk. (1m)</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua bukti Allah SWT bersifat ar-Raqib ialah :<br>- Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya.<br>- Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>

 *© 2021 Hak Cipta Terpelihara SPI JPN Sabah* 

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran :<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan jawapan :<br>Kurangnya iman dalam diri (I) kerana leka dengan kesenangan dunia (H). Ini menyebabkan masyarakat lalai dan menganggap hidup di dunia untuk selama-lamanya dan melupakan akhirat. (HL) Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa muhasabah diri supaya tidak terjerumus ke lembah kemaksiatan dunia. (K)</td><td>4m<br>I<br>H<br>HL<br>K</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Maksud Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang kepada al-Quran dan as-Sunnah (1m) menerusi para sahabat dan ta’biin serta tabi’ ta’biin dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak (1m)</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Satu prinsip utama aliran berikut ialah :<br>a. Khawarij :<br>- Jawatan khalifah atau imam hendaklah diserahkan pemilihannya kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja dari kaum muslimin yang lain.<br>- Saidina Ali telah melakukan dosa besar serta kufur.<br>- Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil.<br>- Orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir.<br><br>b. Mu’tazilah :<br>- Menafikan sifat ma’ani pada zat Allah SWT.<br>- Meyakini bahawa Allah SWT wajib memberikan balasan baik kepada orang yang taat dan ancaman azab kepada orang yang melakukan maksiat.<br>- Meyakini manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan mereka sama ada baik atau buruk tanpa ditentukan oleh Allah SWT.<br>- Pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal di dalam neraka.<br>- Menyeru kebaikan dan mencegah keburukan adalah wajib ditegakkan dalam apa keadaan sekalipun.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>

 *© 2021 Hak Cipta Terpelihara SPI JPN Sabah* 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud haji ialah mengunjungi baitullah al-haram pada bulan-bulan haji (1m) untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya (1m).</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Hikmah ibadah haji dan umrah dari segi rohani ialah :<br>- Menghapuskan dosa dan meraih ganjaran syurga (i) kerana mengorbankan harta dan tenaga dalam melakukan perintah Allah SWT. (H)<br>- Menzahirkan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah SWT (I) untuk mencapai kasih sayang dan rahmat Allah SWT. (H)</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m<br>I+H</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran :<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>**Cadangan jawapan :**<br><br>Membuat pembiayaan peribadi bagi tujuan menunaikan haji adalah harus (I) bagi yang yakin dan mampu membayar pinjaman tersebut. (H) Kesannya seseorang itu dapat merancang kewangannya disamping dapat melaksanakan rukun Islam kelima (HL). Kesimpulannya kita hendaklah bijak mengurus perbelanjaan peribadi agar dapat mengelakkan masalah kemudian hari (K).</td><td>4m<br>I<br>H<br>HL<br>K</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Wali ialah orang yang mempunyai kelayakan (1m) untuk menikahkan pengantin perempuan (1m).</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>**Dua** jenis wali ialah :<br>- Wali mujbir.<br>- Wali bukan mujbir.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Rubrik penskoran :<br><br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>**Cadangan jawapan :**<br><br>Dalam isu ini, sepatutnya bapa menjadi wali (I) kerana beliau termasuk dalam wali mujbir (H)**.** Tetapi jika bapa enggan, maka wali yang berhak untuk mengahwinkannya berpindah kepada pemerintah atau sultan**.** (HL) Kesimpulannya kita hendaklah berhati-hati dalam memilih wali supaya perkahwinan menjadi sah di sisi syarak (K) | 4m<br>I<br>H<br>HL<br>K |
| | (c) | (i) | **Dua** jenis kesalahan di bawah hukuman jenayah hudud ialah :<br>- Membunuh.<br>- Mencederakan. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | Mencuri - mengambil harta orang lain (1m) secara tersembunyi (tanpa kerelaan) dengan tujuan memilikinya. (1m)<br><br>Merompak- melakukan serangan dengan menggunakan kekerasan (1m) untuk merampas harta, membunuh atau menakutkan orang awam secara terbuka. (1m) | 2 isi x 1m<br>= 2m |

 *© 2021 Hak Cipta Terpelihara SPI JPN Sabah* 

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 4 | (a) | (i) | **Dua** ciri kepimpinan Khalifah Uthman bin Affan ialah :<br>- Berpandangan jauh iaitu pembukuan al-Quran.<br>- Berfikiran terbuka seperti melonggarkan syarat penggunaan harta Baitul Mal.<br>- Berfikiran terbuka dengan membenarkan sahabat keluar dari kota Madinah.<br>- Prihatin dengan menyumbangkan harta kekayaan.<br>- Prihatin seperti membesarkan masjid Nabawi .<br>- Inovatif seperti menubuhkan angkatan tentera laut Islam. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua** sumbangan beliau dalam bidang politik ialah :<br>- Berjaya mematahkan pemberontakan.<br>- Berjaya meluaskan kuasa wilayah Islam.<br>- Berjaya menawan Pulau Cyprus. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (iii) | **Dua** iktibar daripada pemerintahan Khulafa' ar-Rasyidin ialah :<br>- Kita hendaklah mencontohi kepimpinan khalifah (I) supaya kesejahteraan agama dan rakyat terpelihara daripada kezaliman. (H)<br>- Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan umat Islam (I) agar hak antara satu sama lain tidak teraniaya. (H)<br>- Kita hendaklah menggiatkan usaha dakwah (I) agar kebenaran Islam dapat disebarkan. (H)<br>- Kita hendaklah menyumbang kepakaran untuk pembangunan dan kemajuan negara (I) agar negara bertambah maju. (H)<br>- Kita hendaklah mengamalkan akhlak terpuji (I) agar menjadi contoh teladan yang baik. (H)<br>- Kita hendaklah menyokong kegiatan ekonomi umat Islam (I) supaya umat Islam dihormati. (H) | 2 isi x 2m<br>= 4m<br>P+I+H |
| | (b) | (i) | **Dua** sumbangan lain Sultan Muhammad al-Fateh ialah :<br>- Menyatukan empayar di utara Balkan.<br>- Dapat mengelakkan serangan Hungary.<br>- Mewakafkan Hagia Sophia sebagai masjid.<br>- Membina kompleks al-Fateh. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | Jawatan yang disandang bagi dua pemerintah tersebut ialah :<br>a) Sultan Uthman bin Ertughrul :<br>Pemerintah pertama kerajaan Uthmaniah. (1m)<br><br>b) Sultan Sulaiman al-Kanunname bin Salim I :<br>Pemerintah kesepuluh Kerajaan Uthmaniah. (1m) | 2 isi x 1m<br>= 2m |

 *© 2021 Hak Cipta Terpelihara SPI JPN Sabah* 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | **Dua** faktor kemerosotan Kerajaan Uthmaniah ialah :<br>- Kemorosotan ekonomi kerajaan Uthmaniah<br>- Beban hutang negara yang tinggi.<br>- Negara tidak stabil akibat gerakan menuntut kemerdekaan daripada wilayah tertentu.<br>- Kekurangan tenaga mahir dalam membangunkan negara.<br>- Perebutan kuasa antara putera raja.<br>- Persaingan politik dalaman. | 4 isi x 1m<br>= 4m |
| | (c) | (i) | **Dua** nama guru Imam Syafie ialah :<br>- Al-Imam Malik bin Anas<br>- Sufyan bin Uyainah<br>- Muslim Khalid az-Zanji | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua** bukti kesungguhan Al-Imam as-Syafie dalam menuntut ilmu ialah :<br>- Sanggup bermusafir ke tempat yang jauh.<br>- Berguru dengan ramai tokoh ilmuan.<br>- Berguru sehingga ke Madinah / Baghdad / Mesir dalam masa yang lama. | 2 isi x 1m<br>= 2m |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud bersikap benar ialah tidak berdusta (1m) dari segi perkataan, perkhabaran dan perbuatan. (1m)</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua cara bersikap benar ketika berjanji ialah :<br>- Berjanji dengan apa yang mampu ditunaikan.<br>- Menunaikan apa-apa yang telah dijanjikan.<br>- Melaksanakannya tepat dengan sesuatu yang telah dijanjikan.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran :<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan jawapan :<br><br>Bercakap bohong menjadikan diri kita tidak dipercayai oleh orang lain (I) yang menyebabkan kita akan dipinggirkan. (H) Kesannya maruah diri tecemar. (HL) Oleh itu kita hendaklah menjauhi sifat munafik dengan sentiasa mengamalkan akhlak mulia agar hidup diredai Allah SWT. (K)</td><td>4m<br>I<br>H<br>HL<br>K</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua kelebihan kepada individu yang mengamalkan sifat tawaduk ialah :<br>- Membentuk insan yang bertaqwa.<br>- Dikasihi masyarakat kerana tidak sombong.<br>- Mendapat kedudukan mulia di sisi Allah SWT.<br>- Membudayakan sikap merendah diri.<br><br>Catatan :<br><br>Mana-mana jawapan munasabah diterima.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua cara bersikap tawaduk ketika bergaul dengan rakan di sekolah ialah :<br>- Tidak sombong ketika bergaul.<br>- Saling hormat menghormati antara satu sama lain.<br>- Bercakap dengan lembut.<br>- Mendahulukan ucapan salam.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>

 *© 2021 Hak Cipta Terpelihara SPI JPN Sabah* 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Catatan :**<br><br>Mana-mana jawapan munasabah diterima. | |
| | | (iii) | **Dua** perbezaan tingkah laku murid yang bersikap tawaduk dan tingkah laku murid yang tidak mengamalkan tawaduk dalam menuntut ilmu ialah : | 2 isi x 2m = 4m |
| (c) | | (i) | **Dua** adab menjaga orang sakit dari aspek fizikal ialah :<br>- Memastikan tempat dan badan pesakit sentiasa bersih.<br>- Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit.<br><br>**Catatan :**<br><br>Mana-mana jawapan munasabah diterima. | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** kesan baik kepada individu yang beradab ketika menjaga orang sakit ialah :<br>- Melahirkan keinsafan menjaga nikmat kesihatan.<br>- Mengeratkan ukhwah dengan masyarakat.<br>- Hidup sentiasa diberkati Allah SWT.<br>- Melahirkan sifat prihatin dalam diri. | 2 isi x 1m = 2m |

Jadual bagi (iii):

| Tingkah laku murid tawaduk | Tingkah laku murid tidak tawaduk |
|---|---|
| Merendah diri walaupun memiliki ilmu. | Sombong dengan ilmu yang ada. |
| Bersedia menerima kebenaran dan teguran. | Ego menerima kebenaran dan teguran. |
| Menghormati pendapat orang lain. | Memperlekeh pendapat orang lain. |
| Sentiasa bersyukur dengan kefahaman ilmu. | Tidak bersyukur dengan anugerah kefahaman. |
| Sentiasa mengharapkan keredaan Allah SWT. | Tidak memohon keredaan Allah SWT. |
| Suka membantu memberi kefahaman kepada rakan. | Tidak mahu membantu memberi kefahaman kepada rakan. |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

 *© 2021 Hak Cipta Terpelihara SPI JPN Sabah* 

 *© 2021 Hak Cipta Terpelihara SPI JPN Sabah* 